PROTON dan Geely Mempamerkan Keunggulan Kejuruteraannya

Menguji Ketahanan, Kebolehpercayaan, dan Kualiti Geely E5 Secara Dekat

SUBANG JAYA, 23 September 2024 – PROTON telah berkolaborasi bersama Geely dalam menganjurkan *Driving Impression* untuk model Geely E5 di Litar Ujian PROTON. Program ini memberikan peluang yang menarik kepada peminat EV untuk merasai sendiri model Geely E5 dengan pemanduan di sebelah kiri yang merupakan model kembar kepada Proton e.MAS 7. Program ini turut mempamerkan teknologi pintar yang ditampilkan secara dekat.

Sepanjang perjalanan yang luar biasa ini 3,700 km dari China ke Malaysia, model Geely E5 mengharungi keadaan cuaca yang sangat mencabar. Program ini menekankan bukan sahaja kehebatan kejuruteraan E5, tetapi juga kualiti binaan kukuh dan ketahanan model kembarnya, Proton e.MAS 7.

Peminat EV turut menguji keselesaan dan prestasi kawalan kenderaan tersebut, memandu pada kelajuan antara 60 hingga 100 km/j sambil merasai teknologi inovatifnya dan menilai kualiti pada reka bentuk dalaman dan luaran kenderaan.

"PROTON percaya bahawa kerjasama strategik dan perkongsian ilmu pengetahuan adalah penting dalam memupuk inovasi dan kolaborasi. Usaha bersama kami dengan Geely telah menghasilkan pembangunan yang berjaya untuk Proton e.MAS 7. PROTON sangat berbangga dapat mengintegrasikan teknologi bertaraf dunia yang telah diuji dan terbukti dalam keadaan yang sebenar. Hal ini memberikan kami keyakinan untuk mengintegrasikan ke dalam e.MAS 7 untuk disesuaikan dengan keperluan terbaik rakyat Malaysia," kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET.

Eksklusif Di Sebalik Roda

Media yang terpilih telah dibawa ke Litar Ujian Proton sejurus tiba di COE di mana mereka diberi peluang untuk memandu Geely Galaxy E5 di Litar Ujian selepas taklimat produk dan keselamatan. Pihak media mengambil peluang untuk mengenali dengan lebih dekat model pembangunan Proton e.MAS 7, yang baru-baru ini memandu dari Guiyang China sehingga ke Shah Alam Malaysia.

Ketika berada di sebalik roda, pihak media bukan sahaja dapat merasai keselesaan yang mencukupi, kemudahan yang terbaik dan teknologi yang pintar tetapi juga dinamik pemanduan serta kawalan kestabilan ketika mengambil selekoh pada laluan Litar Ujian.

Pihak media turut berpeluang melihat buat kali pertama platform Global Intelligent New Energy Architecture (GEA) dan sistem pengurusan rangkaian kuasa Geely dalam EV dengan pemanduan di sebelah kiri. Pandu uji ini memberikan peluang kepada pihak media untuk meningkatkan keyakinan dan kesedaran mengenai teknologi pintar dan inovatif yang turut disertakan dalam Proton e.MAS 7.

Ikuti laman web Proton e.MAS dan akaun media sosial rasmi di bawah nama pengguna "Proton e.MAS Cars" di Facebook dan Xiaohongshu, serta "@protonemasofficial" di Instagram dan TikTok untuk mendapatkan berita dan perkembangan terkini dari Proton e.MAS. Sertai kami dan menjadi sebahagian daripada revolusi dalam industri automotif negara.

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik nasional dan tenaga baharu pertama Malaysia, sub-jenama PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Berperanan penting dalam penerimaan EV dan membina ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk menerajui usaha ke arah pengangkutan lestari dengan dedikasi yang teguh terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedar yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang komprehensif, dan ekosistem kami memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk kami PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASI HUBUNGAN dengan terus memberikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan Piawaian Antarabangsa. Proton e.MAS telah dilancarkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS
Facebook: https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/
Instagram: https://www.instagram.com/protonemasofficial/
TikTok: https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/

Issued by:
PRO-NET
Salawati Mohd Yusoff
Chief Branding Officer
Telephone: +6012-2194581
Email: salawati@proton.com

Chongreena Cirikwong
Assistant Manager, Public Relations & Branding
Telephone: +60123017258
Email: reenacw@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Nicholas Nathaniel Raj
H/Advisors Klareco
Telephone: +6017 610 3249
Email: nicholas.raj@h-advisors.global

Joshua Fredrick
H/Advisors Klareco
M: +6012 392 8943
Email: joshua.fredrick@h-advisors.global